

26 Ogos 2010

## Sarjana Islam Amerika Lancarkan Kolej Islam di California

*Kolej Zaytuna rancang untuk mendidik ramai pemimpin Islam-Amerika*

Oleh M. Scott Bortot

Penulis Staf



Hatem Bazian diikuti oleh Imam Zaid Shakir di majlis pembukaan Kolej Zaytuna College pada 23 Ogos.

Washington - Sejarah panjang kesarjanaan Islam baru saja mendapat tambahan baru: sebuah kolej di California yang didirikan untuk mendidik pemimpin-pemimpin Islam.

Kolej Zaytuna mengadakan kelas perdananya pada 24 Ogos dan berhasrat menjadi institusi pengajian tinggi Islam pertama di Amerika yang menawarkan program empat tahun bertauliah.

Zaytuna diasaskan oleh tiga orang sarjana Islam-Amerika untuk memberi tumpuan pada pembaharuan tradisi intelektual Islam dalam konteks masyarakat Amerika.

“Dengan peredaran tahun, pendirian Kolej Zaytuna akan terbukti sebagai satu kejayaan dalam mewujudkan pemahaman Islam yang lebih baik dan hubungan yang lebih baik antara orang Islam dan masyarakat bukan Islam di Amerika Syarikat - Insya Allah,” kata pengasasnya Zaid Shakir dalam satu kenyataan akhbar yang menandakan pembukaan kolej itu.

Dustin Craun, seorang pelajar dari Colorado yang mendaftar untuk kelas pertama Zaytuna, berkata kolej ini akan membantu orang Islam memainkan peranan dalam masyarakat Islam di Amerika Syarikat.

“Saya fikir sebagai orang Islam di Amerika kita perlu mencari cara untuk mempelajari apa itu Islam bagi kita sebagai warga Amerika, dan itu adalah sebahagian daripada fungsi institusi ini,” kata Craun. Kolej ini adalah “pembawa standard bagi umat Islam di negara ini.”

Craun dan 14 orang pelajar lain di kelas awal Zaytuna boleh memilih dua jurusan: undang-undang dan teologi Islam atau Bahasa Arab. Pihak pengasas sekolah berharap pelajar-pelajar ini dapat menjadi

pemimpin masyarakat seperti imam atau dalam kapasiti lain. Omid Safi, seorang profesor pengajian Islam di Universiti North Carolina di Chapel Hill, berkata perkara itu akan menjadi satu pencapaian penting kerana beberapa imam yang lahir di luar negara tidak memahami budaya dan masyarakat Amerika.

“Mengimport lebih sesuai untuk karpet. Ia tidak sesuai untuk imam dalam konteks Amerika, di mana mereka mungkin perlu tahu lebih banyak daripada memberi nasihat perkahwinan,” kata Safi. Pemimpin Islam masa depan di Amerika “perlu mengikuti perkembangan dunia Facebook dan [penyanyi remaja] Justin Bieber, seperti mengemaskini pengetahuan mereka dalam aspek klasik undang-undang Islam.”

Kolej-kolej lain di A.S. juga menawarkan program pengajian Islam, tetapi menurut Hatem Bazian, pengurus hal ehwal akademik dan pengasas bersama Zaytuna, kolej yang masih muda ini mengambil pendekatan berbeza.

“Di institusi-institusi lain, mereka mengajar Islam dari pandangan luar ke dalam, dan sering kali ia pendekatan dekonstruksi,” kata Bazian. “Kami akan melihat Islam dari dalam dan bukan dengan pendekatan dekonstruksi, tetapi bagaimana mengambil inti berharga daripada tradisi tersebut dan mengembangkannya.”

Warga Amerika lain telah mencuba untuk memulakan kolej-kolej Islam di Chicago dan New York. Kolej Zaytuna mungkin mempunyai kelebihan iaitu pihak pengurusannya mempunyai hubungan dengan institusi-institusi akademik ternama. Bazian adalah pensyarah pengajian agama di Kolej St Mary California, dan salah seorang pengasas iaitu Hamza Yusuf adalah ahli lembaga penasihat untuk Graduate Theological Union di Berkeley, California.

Zaytuna merancang mempunyai kampus sendiri, tapi ketika ini ia terletak di Graduate Theological Union, di mana ia menyewa ruang untuk kelas daripada American Baptist Seminary of the West (ABSW). James Donahue, presiden Graduate Theological Union, berkata Zaytuna berjanji untuk menjadi jambatan persefahaman antara Muslim dan bukan-Muslim di Amerika.

Bazian juga membayangkan Zaytuna memainkan peranan sebagai jambatan di antara Amerika Syarikat dan sebahagian besar negara-negara Islam melalui program-program pertukaran dengan institusi-institusi akademik di seluruh dunia Islam.

“Dunia Islam sekarang memerlukan penyelesaian intelektual di Amerika di mana mereka boleh melibatkan diri dalam persidangan, di simposium, di pertukaran yang boleh diadakan oleh institut ini,” katanya. Beliau menambah bahawa para sarjana Islam di negara-negara lain telah menyatakan minat mereka.



Para pelajar Kolej Zaytuna di dalam kelas yang memberi tumpuan kepada bahasa Arab dan pengajian Islam.

Zaytuna adalah hasil usaha lebih satu dekad untuk mempromosikan ilmu pengetahuan Islam di Amerika Syarikat. Ia berkembang daripada Institut Zaytuna yang ditubuhkan oleh Yusuf pada tahun 1996. Bermula tahun 2004, Shakir memimpin program keagamaan di institut ini untuk menguji daya maju sebuah kolej, sementara program bahasa Arab musim panas yang dianjurkannya telah meningkat dengan pesat sejak kebelakangan ini.

Prosedur permohonan dan pendaftaran di Zaytuna sama seperti kolej-kolej lain di Amerika. Keputusan penerimaan mengambil kira purata markah gred, dan ujian serta esei yang standard. Pelajar yang diterima masuk mesti mempunyai tahap kemampuan aras dalam Bahasa Arab yang setara dengan satu tahun pengajian peringkat universiti.

Pendaftaran terbuka untuk semua orang dari semua agama.

“Universiti-universiti pertama yang ditubuhkan di dunia Islam pada masa itu terbuka untuk semua, dan prinsip kami adalah bahawa pengetahuan itu milik semua orang,” kata Bazian.

Kakitangan fakulti di kolej itu terdiri daripada lelaki dan perempuan. Pentadbir Zaytuna akan mula mengambil lebih ramai kakitangan sejajar dengan keperluan pembelajaran yang meningkat.

“Kami tidak hanya mencari individu yang pakar dalam bidang tertentu, tetapi juga memiliki kesedaran dan pemahaman sumbangsih intelektual Islam,” kata Bazian.

Bazian berkata Zaytuna menghadapi cabaran besar di depan. Di antara cabaran ini adalah pentauliahan, yang penting bagi membolehkan ijazah kolej diiktiraf secara rasmi di Amerika Syarikat. Beliau yakin Zaytuna akan mendapat pentauliahan, tetapi prosesnya akan mengambil masa 4 hingga 8 tahun.

“Kami merasakan sangat penting bagi sebuah institusi seperti kami, yang didirikan di Amerika Syarikat, mendapat penghormat dan pengiktirafan seperti institusi-institusi pendidikan tinggi lain, dan mendapat pentauliahan,” kata Bazian.

Zaytuna, seperti kolej-kolej yang lain, menghadapi cabaran kewangan. Pembiayaan akan menjadi lebih penting apabila ia mula berkembang.

“Matlamat kami adalah untuk mempunyai tempat kekal, dan yang ia bergantung pada sumber kewangan serta program dan projek mengumpul dana yang kami buat,” kata Bazian. “Kami berharap dan positif bahawa komuniti Islam-Amerika akan lebih terbuka dan melihat ini sebagai langkah strategik penting dalam mengukuhkan kerangka institusi masyarakat mereka.”

Sebanyak \$30 juta diperuntukkan bagi kolej ini untuk empat tahun seterusnya dalam pada ia mencari peruntukan tambahan untuk beberapa kerusi pengajian Islam dan bahasa Arab. Zaytuna juga berhasrat mengumpul lagi \$3 juta hingga \$4 juta untuk menampung kos operasi.

Bazian mempunyai perancangan jangka panjang untuk Zaytuna. Kolej ini akan punya tempat tetap sendiri dalam masa lima hingga tujuh tahun dan mendaftarkan seramai 500 pelajar dalam masa 10

tahun. Jumlah pelajar yang semakin berkembang juga bermakna perkembangan program akademik yang ditawarkan, jurusan baru dan unit penyelidikan yang kuat.

Pentadbir kolej berharap untuk menawarkan lebih banyak program pengajian lanjutan mengenai hukum Islam dan kajian tentang mazhab Syiah.

Malah Zaytuna mungkin bersaing dengan kolej dan universiti lain pada tahap yang sama sekali berbeza.

“Saya belum tahu apakah kita akan boleh mendapat satu pasukan bola sepak, tapi saya fikir pasukan bola keranjang lebih mudah diuruskan dalam masa yang singkat,” kata Bazian.

Bagi Craun, Zaytuna membuka satu bab lain di Amerika yang kaya dengan warisan budaya dan kerohanian.

“Ini adalah sejenis projek, menurut pendapat saya, yang memperdalam apa yang indah tentang negara ini dari segi kepelbagaian, penerimaan dan perkara yang kita berharap akan menggalakkan tahap toleransi yang mendalam,” katanya. “Ia dapat membawa tahap pemikiran yang lain, perspektif yang lain, dan tradisi yang lain kepada pelbagai pendapat dan pemahaman tentang realiti yang ada di negara ini.”